

SIARAN AKHBAR

MAJLIS PELANCARAN BAGI PENYERAHAN “4 BUAH PRIME MOVER JENIS SHACMAN X3000, 6 BUAH FABRICATED TRAILER DAN SEBUAH FABRICATED COMPACTOR BERSERTA SISTEM TEKNOLOGI SCADA”

Sabtu, 27 Jun 2026

Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe), Kementerian Pembangunan terus komited dalam memperkukuhkan sistem pengurusan sisa pepejal negara melalui peningkatan keupayaan operasi dan penyediaan infrastruktur yang moden dan efisien bagi memastikan perkhidmatan pengangkutan dan pelupusan sampah dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Dalam meningkatkan keupayaan operasi pengangkutan sampah dari Stesen Pindah Sungai Akar ke Tapak Pelupusan Sungai Paku, JASTRe telah mengadakan majlis pelancaran bagi penyerahan 4 buah *Prime Mover* jenis *Shacman X3000*, 6 buah *Fabricated Trailer* dan sebuah *Fabricated Compactor* berserta sistem teknologi *Scada* yang berlangsung di Tapak Stesen Pindah Sungai Akar, pada hari Sabtu, 27 Jun 2026.

Perolehan jentera-jentera khas tersebut merupakan usaha Jabatan melalui projek pembelian daripada syarikat yang dilantik iaitu, Syarikat A.T.P.D Sdn Bhd.

Hadir untuk merasmikan majlis tersebut ialah Yang Mulia Hajah Martinah binti Haji Tamit, Pengarah Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi. Majlis dimulakan dengan bacaan surah Al-Fatihah dan doa kesyukuran, diikuti dengan majlis pelancaran seterusnya dan lawatan ke aset-aset yang diserahkan. Turut hadir ialah pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, serta wakil-wakil dari pihak kontraktor yang dilantik.

Inisiatif ini sejajar dengan komitmen Jabatan untuk memperkukuhkan kesiapsiagaan, khususnya dalam meningkatkan keupayaan operasi pengangkutan sampah Brunei dan Muara. Ianya juga mencerminkan dedikasi Jabatan dalam menyediakan sumber yang diperlukan bagi menyokong pengurusan sisa pepejal yang lebih cekap serta memastikan alam sekitar sentiasa berada dalam keadaan bersih, hijau dan selamat.

Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi ingin menyeru kepada orang ramai agar bersama-sama memainkan peranan dalam menjaga kebersihan alam sekitar negara in serta meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan pengurangan sisa pepejal. Orang ramai turut disarankan untuk melaporkan kes-kes pembuangan haram di tempat awam melalui talian 123 untuk tindakan lanjut diambil oleh pihak berkuasa.

- TAMAT -

Disediakan oleh:

Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi
Kementerian Pembangunan
Rujukan: JASTRE/PR/2026